

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 JUN 2014 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Opening opportunities via innovation pitching	New Straits Times
2.	Najib dilantik felo kehormat Akademi Sains	Harian Metro
3.	Najib dilantik felo kehormat Akademi Sains Malaysia	BERNAMA
4.	PM elected Academy of Sciences fellow	New Straits Times
5.	Licence for 'rocky' Lynas could see Malaysia pay for future mishaps	The Malay Mail
6.	Najib umum subsidi pakej perisian GST kini dibuka	Sinar Harian
7.	DSM, SME Corp join hand to enhance SMEs Global Competitiveness	BERNAMA
8.	e-baucar GST RM150 juta insentif PKS	Berita Harian
9.	Tram service proposal	The Star
10.	RM500 juta untuk sektor teknologi tinggi PKS	KOSMO
11.	MDV bantu syarikat teknologi	Berita Harian
12.	Fenomena El Nino masih belum bermula	KOSMO
13.	MDV bantu syarikat teknologi	Berita Harian
14.	MDV readies RM500m for SMEs in hi-tech sectors	The Sun
15.	MDV allocates RM500 mil for SMEs in high-tech sectors	The Star
16.	Tujuh NGO buat laporan polis siasat kenyataan mengelirukan isu DNA babi	BERNAMA
17.	PPIM saran kerajaan wujud akta produk halal	BERNAMA
18.	Pencemaran luar mustahil berlaku	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT B3
TARIKH : 5 JUN 2014 (KHAMIS)

OPENING OPPORTUNITIES VIA INNOVATION PITCHING

UNIVERSITI Teknologi Petronas (UTP), organiser of the biennial World Engineering, Science and Technology Congress (ESTCON), introduced its first Innovation Pitching programme at the third instalment of ESTCON this year to help innovators and inventors commercialise their inventions.

ESTCON 2014 secretary associate professor Dr Fawnizu Azmadi Hussin said the programme, held concurrently with the three-day conference, allows innovators and inventors to pitch new technologies to potential investors for commercialisation.

This is in line with Malaysia Commercialisation Year (MCY) this year, set by the Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti), which focuses on helping local inventors commercialise their innovative inventions.

"The introduction of this section takes ESTCON to the next level as it connects researchers and inventors to the right investors and business partners," he told Business Times on the second day of ESTCON, in Kuala Lumpur, yesterday.

"It also creates opportunities to increase university revenue and job opportunities in an innovation-driven economy through commercialisation of research and development (R&D)," he added.

A total of 26 innovators and inventors from UTP took part in the Pitching Programme which will be evaluated by a panel of judges from among others, Mosti's Agensi Inovasi Malaysia (AIM) and KPerak Implementation and Coordination Corporation.

Among the products presented at the programme were portable diabetic retinopathy grading system, 3D tracking prototype using single 2D camera, skin melanin pigment analyser for dermatology care, ionic liquids for desulphurisation, and continuous remote patients monitoring system.

"Out of the 26 products, we are targeting to qualify a few for potential investors and commercialisation. All products have high potential but it requires a whole lot more to be selected," Fawnizu said.

Since its inception in 2010, ESTCON serves as a platform for knowledge-sharing, intellectual discussions and also networking on various areas of interest for all academics, researchers, scientists, engineers, interest groups and industry experts from all around the world.

Themed "Engineering, Science, Technology and Humanities: Convergence for a Sustainable Future", ESTCON 2014 focuses on the bridging of all experts in research and innovation, in sustaining knowledge for the betterment of the society.

The conference, which ends today, featured more than 20 renowned speakers in the fields of engineering, science and technology from various countries including the United States, Australia, Japan and China, as well as over 1,000 paper presenters.

Moving forward, Fawnizu said the organiser will continue to feature the Innovation Pitching programme in the upcoming instalments of ESTCON, with bigger space and participation.

Meanwhile, MCY, aimed at mass marketing of locally developed inventions, is in line with the government's aspirations to make the nation a high-income society by 2020, particularly through technological innovation.

Last year, Mosti deputy minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, was quoted as saying that some 1,134 local products have received numerous awards and recognition internationally but only a handful had been commercialised.

"In conjunction with MCY, Mosti is targeting to commercialise 360 products from the 1,134 that have won numerous international recognition," Abu Bakar said, adding that Mosti will put forth every effort to make sure that the target is realised.

He said the 1,134 products were developed with the help of the ministry's special fund allocation under the Ninth Malaysia Plan (2006-2010), totalling RM2.9 billion.



Commitment from Local Partners

PETRONAS has already committed on test bed implementation

- Carigali Metocsan Dept.
- Carigali Civil Structures
- SKO
- MISC

Adoption by PETRONAS will be propagated throughout the SEA region by other oil operators (lead operator)

- Marginal Field Operators (RSC)
- Pertamina
- PetroViet

Innovation Pitching programme was introduced at the third instalment of ESTCON this year. (Inset) ESTCON 2014 secretary associate professor Dr Fawnizu Azmadi Hussin says the programme allows innovators and inventors to pitch new technologies to potential investors for commercialisation.



**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 40
TARIKH: 5 JUN 2014 (KHAMIS)**

Najib dilantik sebagai felo kehormat Akademi Sains

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dilantik sebagai felo kehormat Akademi Sains Malaysia (ASM) kerana sokongan kuat beliau ke arah memajukan sains dan teknologi.

Dalam kenyataannya, ASM berkata, sains dan teknologi menjadi tonggak program transformasi ekonomi negara.

Kata kenyataan itu, 21 orang diumum sebagai felo baru pada mesyuarat agung tahunan ke-19 ASM bulan lepas.

"Mereka termasuk bekas ketua pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Dr Yap Kok Seng, ketua pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) Datuk Dr Abd Latif Mohmod dan naib canselor Universiti Teknologi Petronas Datuk Ir (Dr) Abdul Rahim Hashim," kata kenyataan itu.

Tokoh lain ialah Prof Dr Agamutu Pariatamby dari Universiti Malaya, Prof Dr Jinap Selamat, Prof Dr Shamshuddin Jusop dan Prof Dr Tan Soon Guan dari Universiti Putra Malaysia.

"Mereka dipilih sebagai felo kerana sumbangan cemerlang masing-masing dalam bidang biologi, sains pertanian dan alam sekitar di negara ini," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, Prof Dr Abdul Rahman Mohamed, Prof Datuk Ir Dr Abdul Wahab Mohammad, Prof Datuk Ir Dr Badhrulhisham Abdul Aziz, Prof Datuk Dr Burhanuddin Yeop Majlis dan Ir Lalchand Gu labrai pula dilantik kerana sumbangan mereka dalam bidang kejuruteraan dan sains komputer.

Prof Dr Jamunarani S Vardivelu, Prof Datuk Dr Rohana Yusof, Dr Teo Soo Hwang dan Prof Dr Wan Azman Wan Ahmad pula diberi pengiktirafan kerana sumbangan mereka dalam bidang sains perubatan dan kesihatan.

Kata kenyataan itu mereka yang turut dilantik sebagai felo baharu ASM ialah Prof Dr Mohd Yusof Othman dan Prof Dr Ng Kwan Hoong kerana sumbangan mereka dalam bidang matematik, fizik dan sains tanah.

Prof Datuk Dr Musa Ahmad dan Prof Dr Noorsadah Abd Rahman pula dilantik kerana sumbangan mereka dalam disiplin sains kimia. Seorang lagi felo iaitu Dr Mohd Yusoff Sulaiman dari Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (Might) dilantik untuk mewakili industri. - BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 05 JUN 2014 (KHAMIS)



Najib Dilantik Felo Kehormat Akademi Sains Malaysia

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- **Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dilantik sebagai felo kehormat Akademi Sains Malaysia (ASM)** kerana sokongan kuat beliau ke arah memajukan sains dan teknologi.

Dalam satu kenyataan, ASM berkata sains dan teknologi menjadi tonggak program transformasi ekonomi negara.

Menurut kenyataan itu, 21 orang diumum sebagai felo baharu pada mesyuarat agung tahunan ke-19 ASM bulan lepas.

"Mereka termasuk bekas pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Dr Yap Kok Seng, ketua pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr Abd Latif Mohmod dan naib canselor Universiti Teknologi Petronas Datuk Ir (Dr) Abdul Rahim Hashim," kata kenyataan itu.

Tokoh lain ialah Prof Dr Agamutu Pariatamby daripada Universiti Malaya, Prof Dr Jinap Selamat, Prof Dr Shamshuddin Jusop dan Prof Dr Tan Soon Guan daripada Universiti Putra Malaysia.

"Mereka dipilih sebagai felo kerana sumbangan cemerlang masing-masing dalam bidang biologi, sains pertanian dan alam sekitar di negara ini," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Prof Dr Abdul Rahman Mohamed, Prof Datuk Ir Dr Abdul Wahab Mohammad, Prof Datuk Ir Dr Badhrulhisham Abdul Aziz, Prof Datuk Dr Burhanuddin Yeop Majlis dan Ir Lalchand Gulabrai pula dilantik kerana sumbangan mereka dalam bidang kejuruteraan dan sains komputer.

Prof Dr Jamunarani S Vadivelu, Prof Datuk Dr Rohana Yusof, Dr Teo Soo Hwang dan Prof Dr Wan Azman Wan Ahmad pula diberi pengiktirafan kerana sumbangan dalam bidang sains perubatan dan kesihatan.

Kata kenyataan itu, mereka yang juga dilantik sebagai felo baharu ASM ialah Prof Dr Mohd Yusof Othman dan Prof Dr Ng Kwan Hoong kerana sumbangan mereka dalam bidang matematik, fizik dan sains tanah.

Prof Datuk Dr Musa Ahmad dan Prof Dr Noorsaadah Abd Rahman pula dilantik kerana sumbangan dalam disiplin sains kimia. Seorang lagi felo iaitu Dr Mohd Yusoff Sulaiman dari Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dilantik untuk mewakili industri.

Presiden ASM Tan Sri Dr Tajuddin Ali berkata antara ciri menarik akademi itu ialah ia boleh digunakan dengan berkesan untuk membuat penilaian saintifik secara bebas.

"Seperti yang dipamerkan oleh rakan akademi kami di seluruh dunia, ada ketikanya, kerajaan memerlukan nasihat saintifik bebas tentang perkara berkaitan kepentingan negara," katanya.

--BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 05 JUN 2014 (KHAMIS)

PM elected Academy of Sciences fellow

KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Najib Razak has been elected an honorary fellow of the Academy of Sciences Malaysia (ASM) for his strong advocacy of science and technology.

ASM said science and technology formed the epicentre of the economic transformation programme. Twenty-one new fellows were announced in its 19th annual general meeting last month.

"The new fellows include former Malaysian Meteorological Department director-general Datuk Dr Yap Kok Seng, Forest Research Institute Malaysia director-general Datuk Dr Abd Latif Mohmod and Universiti Teknologi Petronas Vice-Chancellor Datuk Dr Abdul Rahim Hashim," the statement said.

Others were Prof Dr Agamutu Pariatamby from Universiti Malaya, Prof Dr Jinap Selamat, Prof Dr Shamshuddin Jusop and Prof Dr Tan Soon Guan from Universiti Putra Malaysia.

"They have been elected fellows for their outstanding contributions in the field of biological, agricultural and environmental sciences in the country," the statement said.

Prof Dr Abdul Rahman Mohamed, Prof Datuk Dr Abdul Wahab Mohammad, Prof Datuk Dr Badhrulhisham Abdul Aziz, Prof Datuk Dr Burhanuddin Yeop Majlis and Lalchand Gulabrai had been elected fellows for their contributions in the field of engineering and computer sciences. **Bernama**

→ Full report at www.nst.com.my

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL ONLINE
TARIKH : 5 JUN 2014 (KHAMIS)

malaymailonline

Licence for 'rocky' Lynas could see Malaysia pay for future mishaps, DAP warns

KUALA LUMPUR, June 4 — Granting financially troubled Lynas Corporation a full licence to keep operating its rare earth plant in Kuantan puts Malaysia at risk of having to pay to clean up any potential disasters in the event the firm goes under, the DAP said today.

Warning of the possible financial costs of a rare earth mishap, DAP secretary-general Lim Guan Eng reminded Putrajaya of Malaysia's previous such foray in the form of Mitsubishi Chemical' Asian Rare Earth (ARE), which closed in 1992.

"After it was shut down, the former ARE owner is spending US\$100 million in cleanup operations of the radioactive wastes," said Lim, who is also the Penang chief minister, in a statement in commemoration of the World Environment Day.

"In view of the possible closure of Lynas, which is 10 times the size of ARE, the radioactive waste left behind will be a huge environmental and financial burden for future generations, especially if Lynas collapses financially," he said.

Lim today demanded Putrajaya explain if the mining firm fulfilled requirements for a waste recycling mechanism, pointing to apparent discrepancies over the matter.

He said **Atomic Energy Licensing Board (AELB) and the Science, Technology and Innovation Ministry (MOSTI)** has maintained that the company had submitted the results of its research on the recycling of its Water Leached Purification (WLP) residue and a permanent deposit facility (PDF), but had refused disclose the plan or the identified location.

The conditions were set out in the temporary operating license (TOL) granted to company two years ago.

On May 6 Bloomberg reported that Lynas planned to defer some debt repayments and sell as much as AU\$40 million (RM120 million) in shares after the prices slumped.

The company had spent close to RM3 billion on the Kuantan processing plant and its TOL, which expired on September 2, noted Lim.

He added that Lynas stands a risk on insolvency as the company's closing cash balance stood at AU\$23.4 million (RM70.2 million) as of March 31, and it would required a minimum of AU\$ 48.172 million (RM144.7 million) to be able to continue its operations.

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH : 5 JUN 2014 (KHAMIS)**



Najib umum subsidi pakej perisian GST kini dibuka

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan permohonan untuk e-baucar cukai barang dan perkhidmatan (GST) oleh SME Corporation Malaysia (SME Corp) bernilai RM1,000, kini dibuka.

Beliau berkata baucar ini merupakan kaedah mudah, cepat dan berkesan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) membeli atau menaik taraf perisian perakaunan pematuhan GST.

Najib membuat pengumuman ini dalam ucaptama pada perasmikan pameran tahunan PKS (SMIDEX) 2014 di Kuala Lumpur Convention Centre, di sini.

"Mereka hanya perlu membuat pemohonan secara dalam talian untuk e-baucar ini yang boleh digunakan untuk membeli perisian daripada vendor yang mengambil bahagian.

"Saya menggesa PKS supaya tampil dan memanfaatkan bantuan yang disediakan oleh kerajaan ini bagi memastikan peralihan lancar dalam pelaksanaan GST," katanya.

GST akan dilaksanakan berkuat kuasa 1 April 2015 pada kadar 6 peratus menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan.

Kadar cukai jualan dan perkhidmatan kini masing-masing ditetapkan pada 10 peratus dan 6 peratus.

Najib berkata beliau mahu semua pihak berkepentingan, terutama peniaga, memahami dengan jelas mengenai persediaan untuk melaksanakan GST, dan Malaysia juga boleh belajar dari 160 negara, yang sudah melalui cabaran dalam memahami dan melaksanakan sistem percukaian ini.

"Kerajaan memperuntukkan RM100 juta (daripada RM250 juta) untuk melaksanakan program latihan dan kesedaran di seluruh negara menerusi pelbagai saluran," kata Perdana Menteri.

Baki RM150 juta lagi akan diperuntukkan untuk PKS menaik taraf perisian perakaunan masing-masing.

Najib turut mengumumkan bahawa SME Corp akan bekerja bersama-sama Suruhanjaya Sekuriti untuk mewujudkan Platform Dagangan Tidak Tersenarai Malaysia (MyULM), yang akan memudahkan peluang pembiayaan untuk PKS.

Beliau berkata, kerajaan perlu menggalakkan pertumbuhan dan peluasan PKS menerusi pasaran modal, dengan peserta kecil mendapati cabaran besar untuk memasuki pasaran modal secara rasmi berikutan pelbagai syarat, selain kos yang tinggi untuk penyenaraian.

"Bagi memudahkannya, tahun lepas Suruhanjaya Sekuriti mengumumkan MyULM, bagi menyediakan akses kepada modal dan maklumat bagi memudahkan transaksi," katanya.

Najib juga berkata, kerajaan membelanjakan RM13 bilion untuk program pembangunan PKS tahun ini berbanding RM12 bilion tahun lepas.

"Dana ini bukan sahaja daripada kerajaan, malah sektor swasta, dengan hampir 50 peratus daripada dana untuk program itu tahun ini diperoleh daripada sumber sektor swasta," katanya.

Najib melihat usaha sama awam-swasta ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua rakan berkenaan, menjadikannya persekitaran perniagaan lebih cergas dan ekonomi yang lebih kompetitif.

Tahun lepas, RM12 bilion dibelanjakan untuk 157 program pembangunan PKS yang menjana hampir 890,000 projek dalam semua sektor ekonomi, meningkatkan produktiviti, mendaftar perniagaan baharu, keuntungan yang tinggi selain lebih banyak peluang pekerjaan.

Mengenai komitmen Asean, Najib berkata: "Malaysia kini ke hadapan dalam menyediakan ekonomi untuk penyepaduan yang lebih baik. Matlamatnya, kami mahu Asean menjadi rantau yang lebih kompetitif, terangkum dan bersepada sepenuhnya dalam persekitaran perniagaan global.

"Bagi PKS Malaysia dan pelabur antarabangsa, Komuniti Ekonomi Asean menjanjikan manfaat sebenar, malah mengubah persekitaran perniagaan, yang memerlukan persediaan rapi."

Pada majlis yang sama, Najib menyampaikan Anugerah Perdana dan hadiah wang tunai RM1 juta kepada KLSMC Stem Cells Sdn Bhd yang dipilih sebagai PKS Paling Inovatif.

Najib sebelum itu menyaksikan majlis bertukar-tukar memorandum persefahaman usaha sama awam-swasta yang termasuk SME Corp dan Standards Malaysia, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan Malaysian Debt Ventures (MDV)

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 05 JUN 2014 (KHAMIS)



DSM, SME Corp Join Hand To Enhance SMEs Global Competitiveness

KUALA LUMPUR, June 4 (Bernama) -- The Department of Standards Malaysia (DSM) is cooperating with SME Corp Malaysia to enhance the small and medium enterprises' (SMEs) global competitiveness by educating them on quality and standards.

In a statement Wednesday, DSM said both parties would implement the National Standards Compliance Programme (NSCP) which included capacity building and promotional activities in standardisation.

"Through NSCP, we set up a helpdesk at the One Referral Centre of SME Corp with the dual objectives to gain a better understanding of the issues faced by them in complying to standards and to encourage their inputs to develop new relevant standards," its Director General Fadilah Baharin said.

She said many incentives in the form of advisory, fiscal incentives and information dissemination had been introduced to help SMEs understand and adopt standards.

"With greater participation, I believe, the adoption of standards will be greater, which will ultimately provide SMEs a competitive edge in today's dynamic marketplace.

"This will have a ripple effect, raising consumer confidence in companies and brands that offer quality, standardised products and services," Fadilah said.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 5 JUN 2014 (KHAMIS)



Najib bersama penerima Anugerah Inovasi 2014 pada majlis pembukaan Pameran Tahunan PKS di ibu negara, semalam. Turut serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Pengurusi SME Corp, Datuk Dr Mohamed Al Amin Abdul Majid (empat dari kanan) dan Ketua Eksekutif SME Corp, Datuk Hafsa Hashim (tiga dari kanan).

[FOTO EFFENDY RASHID/BH]

e-baucar GST RM150 juta insentif PKS

» *Baucar boleh dimanfaat naik taraf perisian perakaunan*

Mohd Hamizar Hamid dan Shahrizan Saliyan
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

SME Corp Malaysia memperuntukkan RM150 juta dalam bentuk e-baucar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bernilai RM1,000 sebagai insentif kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Baucar itu boleh dimanfaatkan untuk membeli atau menaik taraf perisian perakaunan yang mematuhi perlaksanaan GST.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang mengumumkan permohonan e-baucar itu dibuka semalam, berkata ia bagi memastikan peralihan kepada GST dalam kalangan PKS berjalan lancar.

"Apa yang PKS perlu lakukan ialah menghantar permohonan e-baucar secara dalam talian dan kemudian menggunakan untuk membeli perisian daripada vendor yang dilantik.

"Saya minta PKS supaya tampil dan mengambil peluang daripada bantuan yang disediakan kerajaan demi memastikan peralihan lancar da-

lam pelaksanaan GST," katanya berucap pada pembukaan Pameran Tahunan PKS (SMIDEX) 2014, di sini, semalam.

Permohonan bagi e-baucar dibuka sehingga 31 Disember dan boleh ditebus sebelum 28 Februari 2015. Kementerian Kewangan melantik 55 vendor yang menjual perisian perakaunan diperlukan oleh PKS.

Syarat layak mohon e-baucar
Tiga kriteria yang melayakkkan sebuah syarikat memohon e-baucar ialah mestinya mematuhi definisi PKS yang ditetapkan oleh SME Corp, mempunyai nombor pendaftaran GST serta sekurang-kurangnya 51 peratus ekuiti syarikat dimiliki rakyat Malaysia.

Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh mempelajari daripada 160 negara yang sudah berdedikasi pelbagai cabaran ketika melaksana serta memahami sistem GST.

"Kerajaan sudah memperuntukkan RM100 juta untuk melaksanakan program latihan serta kesedaran (GST) di seluruh negara melalui pelbagai saluran," katanya.

Najib juga mengumumkan SME Corp akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk menujuhkan Platform Dagangan Tidak Tersebar Malaysia (MyULM) untuk membuka akses peluang pembiayaan baharu kepada PKS.

Katanya, platform itu bagi menggalakkan pertumbuhan serta pengembangan PKS melalui pasaran modal.

"Syarikat kecil berdepan ca-



Najib menaiki motosikal Zet 3 Wheeler ketika melawat tapak pameran selepas merasmikan SMIDEX 2014.

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

baran memasuki pasaran modal berikutnya ada banyak keperluan serta kos untuk disenaraikan. Bagi menjadikannya lebih mudah, SC pada tahun lalu mengumumkan penubuhan MyULM untuk menyediakan akses kepada modal serta maklumat yang memudahkan urus niaga," katanya.

Perdana Menteri juga ber-

Kerajaan sudah memperuntukkan RM100 juta untuk melaksanakan program latihan serta kesedaran (GST) di seluruh negara melalui pelbagai saluran"

Najib Razak,
Perdana Menteri

kata, kerajaan membelanjakan RM13 bilion untuk program pembangunan PKS tahun ini berbanding RM12 bilion tahun lalu.

"Dana ini bukan saja dari-

padan kerajaan tetapi disum-

bangkan sektor swasta. Malah,

hampir 50 peratus dana dia-

ri pada program tahun ini dari sektor swasta," katanya.

Pada majlis itu, Najib meyerahkan Anugerah Perdana dan wang tunai bernilai RM1 juta kepada KLSMC Stem Cells Sdn Bhd yang dipilih menjadi PKS Paling Inovatif. Sebelum itu, Perdana Menteri menyaksikan beberapa kerjasama awam-swasta melalui pemerintahan memorandum persefahaman (MoU) antara SME Corp dan Jabatan Standard Malaysia, Padiberas Nasional Bhd dan Malaysian Debt Ventures Bhd.

Tram service proposal

City Hall to meet relevant agencies on alternative mode of transport



By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

KUALA Lumpur City Hall (DBKL) is looking into providing tram services in the city centre for seamless connectivity and to ease traffic congestion.

Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Ahmad Phesal Talib said that a proposal on this had been presented to the Federal Territories Ministry and the Land Public Transport Commission (SPAD).

"We will meet with SPAD and related agencies to look into the possibility of having this service in Kuala Lumpur before presenting the idea to the Federal Government," he said during the KUL Access 2014 Seminar on Universal Design and Accessibility for Local Authorities on June 3.

"More in-depth studies will have to be done before we present the proposal," he added.

On the feasibility of having trams in Kuala Lumpur, Ahmad Phesal said: "Many European countries have successfully introduced trams in their cities. For example, in Spain, they use a green perimeter to build the tracks which still allows for grass to grow."

"In the Estonian capital of Tallinn, I noticed that the trams and other modes of transport like buses were fully integrated and residents did not have to pay for public transportation, while Melbourne has dedicated roads for trams to connect to tourist spots."

Meanwhile, during the seminar held in the DBKL Training Institute in Cheras, Ahmad Phesal said City Hall was working towards a 'barrier free' environment for the disabled.

"This seminar is a platform for DBKL to share our experiences and knowledge with other local authorities and agencies to make the city more disabled-friendly," he said.



Ahmad Phesal added that enforcement of the Persons with Disabilities Act 2008 (Act 685) would go a long way in ensuring that more public and private organisations take the needs of the disabled into consideration during the planning stage.

"We have set up an audit team to ensure that new projects adhere to the requirements of the Act," Ahmad Phesal said.

He added that DBKL would become the first local authority to sign a memorandum of understanding (MoU) with the Department of Standards Malaysia for compliance to Malaysian Standard (MS).

"With this, DBKL will ensure that compliance with MS is a prerequisite before the Certificate of Completion and Compliance (CCC) is issued to new buildings," Ahmad Phesal said.

1 Ahmad Phesal meeting with representatives of the disabled community during the KUL Access 2014 Seminar.

2 (From left) Welfare Department (Disabled Planning Department) assistant director Pathmanathan Nalasamy, Ahmad Phesal and moderator Prof Datuk Dr Zaliha Omar during the Seminar on Universal Design and Accessibility for Local Authorities.

- Photos by MOHD SYAFIQ

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA): MUKA SURAT 56
TARIKH: 05 JUN 2014 (KHAMIS)**

RM500 juta untuk sektor teknologi tinggi PKS

KUALA LUMPUR – Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) menyediakan sehingga RM500 juta untuk kemudahan pinjaman kepada syarikat kecil dan sederhana (PKS) dalam sektor pembangunan hasil pemetaian memorandum persefahaman (MoU).

Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif MDV, Datuk

Md. Zubir Ansori Yahaya (**gambar**) berkata, MoU selama tiga tahun dengan SME Corp Malaysia itu bertujuan untuk meningkatkan pembangunan dan pertumbuhan sektor teknologi tinggi di negara ini.

“Peruntukan pinjaman itu adalah untuk sektor berkenaan yang terlibat dalam pencahayaan/diod pemancar cahaya, aeroangkasa, industri peran-

ti perubatan serta penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Md. Zubir menerangkan, MoU itu juga meliputi kerjasama dalam perkhidmatan perundingan dan nasihat, prasaranan untuk program, pertukaran maklumat dan kegiatan bersama yang lain untuk meningkatkan lagi

pembangunan dan pertumbuhan usahawan teknologi.

Jelasnya, kerjasama dengan SME Corp itu kena pada masanya dalam usaha memajukan lagi keupayaan PKS di negara ini terutama dalam bidang teknologi tinggi.

“Berdasarkan landskap teknologi semasa, pembiayaan MDV merentasi kesemua sektor teknologi,” katanya.



KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 2
TARIKH: 05 JUN 2014 (KHAMIS)

Fenomena El Nino masih belum bermula

KUALA LUMPUR – Fenomena El Nino yang dijangka melanda negara pada bulan ini sehingga Ogos depan masih belum bermula setakat ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail (**gambar**) berkata, pihaknya sedang memantau peralihan angin Monsun Barat Daya tetapi sehingga kini cuaca panas dan kering masih belum tiba.

"Fenomena peningkatan suhu hanya



akan bermula apabila negara mencatatkan 20 hingga 40 peratus cuaca kering daripada biasa.

"Jika perkara itu tidak berlaku, keadaan seperti hujan lebat dan banjir kilat masih boleh berlaku," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Tambahnya, sehingga kini Jabatan Meteorologi masih belum mengisyiharkan Malaysia dilanda El Nino.

"Oleh itu, pihak kami tidak merasakan sesuatu yang pelik apabila

hujan dan banjir kilat masih berlaku di beberapa kawasan sekitar ibu negara walaupun kita kini sudah memasuki bulan Jun," ujarnya.

Sementara itu, Che Gayah berkata, fenomena banjir kilat lazimnya berlaku apabila hujan turun dalam kuantiti banyak atau berlaku masalah pada sistem perparitan.

"Apabila sistem perparitan tidak diselenggara dengan baik, air hujan tidak dapat mengalir dengan cepat dan keadaan ini menyebabkan banjir kilat boleh berlaku dengan mudah," jelasnya.

MDV bantu syarikat teknologi



» *Sedia dana RM500j, meterai MoU dengan SME Corp capai sasaran*

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

“Kerjasama ini adalah tepat pada masanya memandangkan sektor teknologi Malaysia sedang mengalami fasa pertumbuhan”

Md Zubir Ansori Yahaya,
Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif MDV

Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) menyediakan kemudahan pinjaman sehingga RM500 juta kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terbabit dalam bidang pembangunan, terutama dalam sektor teknologi tinggi.

Bagi tujuan itu, anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Diperbadankan itu semalam memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama SME Corp Malaysia bagi meningkatkan usaha membangunkan usahawan teknologi tempatan dalam beberapa sektor perniagaan strategik.

Kemudahan pembiayaan itu akan dibuka kepada PKS yang bergiat dalam sektor pencahaya-

an dan diod pemancar cahaya (SSL/LED), aeroangkasa, industri peranti perubatan serta penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO).

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif MDV, Datuk Md Zubir Ansori Yahaya, berkata usaha sama dengan SME Corp itu adalah tepat pada waktunya dalam meningkatkan keupayaan PKS di negara ini, khususnya dalam sektor teknologi tinggi.

“Kerjasama ini adalah tepat pada masanya memandangkan sektor teknologi Malaysia sedang mengalami fasa pertumbuhan.

Maju ke hadapan

“Bagi membantu PKS dalam sektor ini bergerak ke hadapan, MDV sebagai penyedia pembiayaan teknologi negara akan menambah usaha membantu PKS dari segi keperluan modal serta khidmat nasihat bagi memastikan pertumbuhan positif dan kemapanan berterusan syarikat berkenaan.

“Dengan landskap teknologi semasa, pembiayaan MDV merangkumi seluruh sektor teknologi,” katanya menerusi satu kenyataan.

MoU antara MDV dan SME

Corp adalah kerjasama awam-swasta yang dimeterai pada Pameran Tahunan PKS (SMIDEX) 2014 di Kuala Lumpur, semalam. Perjanjian disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Selain kemudahan pinjaman, MoU itu juga meliputi kerjasama dalam khidmat nasihat dan perundingan, infrastruktur bagi program, pertukaran maklumat dan aktiviti bersama lain yang dapat meningkatkan pembangunan serta pertumbuhan usaha-wan teknologi.

Juga SME Corp bersetuju memberikan akses pejabat negerinya kepada MDV selain pusat rujukan sehenti yang membolehkan MDV lebih mudah diakses kepada PKS melalui khidmat nasihat serta penyelesaian pembiayaan.

MoU antara kedua-dua pihak akan dilaksanakan untuk tempoh tiga tahun akan datang.

MDV kini memainkan peranan pembangunan bagi membantu usahawan teknologi meningkatkan peluang komersial untuk akses pasaran, memperluaskan peluang penerokaan dan memenuhi permintaan pasaran.

Ia juga menyediakan pembiayaan yang mencetuskan pengkomersilan produk.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (SUNBIZ) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 05 JUN 2014 (KHAMIS)

MDV readies RM500m for SMEs in hi-tech sectors

PETALING JAYA: Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), the nation's leading technology financier, will provide loan facilities of up to RM500 million for small and medium enterprises (SMEs), namely those in the high-technology sectors of solid-state lighting/light-emitting diodes, aerospace, medical devices industry and maintenance, repair and overhaul.

Yesterday, MDV signed a memorandum of understanding (MoU) with Small And Medium Enterprises Corporation Malaysia (SME Corp) to step up efforts in the development of Malaysian technology entrepreneurs in strategic business sectors to boost the growth of SMEs in the country.

MDV managing director and CEO Datuk Md Zubir Ansori Yahaya said the collaboration with SME Corp is timely in advancing the capabilities of the SMEs in the country, particularly in the high-technology sector.

Besides loan facilities, the MoU also covers collaboration through consultancy and advisory services, infrastructure for programmes, exchange of information and other joint activities to further enhance the development and growth of the technology entrepreneurs.

The MoU between MDV and SME Corp will be implemented over three years.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NEWS) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 05 JUN 2014 (KHAMIS)



Md Zubir: 'MDV's financing goes across all technology sectors horizontally.'

MDV allocates RM500mil for SMEs in high-tech sectors

KUALA LUMPUR: Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) is allocating up to RM500mil in loan facilities for small and medium enterprises (SMEs) under the sectoral development following a memorandum of understanding (MoU) inked yesterday.

The three-year MoU entered into with SME Corp Malaysia was aimed at enhancing the development and growth of high technology sectors in the country, said MDV in a statement.

The loan allocation is particularly for high technology sectors involved in solid-state lighting/light-emitting diodes, aerospace, the medical devices industry, and maintenance, repair and overhaul.

Besides the loan facilities, the MoU also covers collaboration through consultancy and advisory services, infrastructure for programmes, exchange of information and other joint activities to further enhance the development and growth of the technology entrepre-

neurs.

Under the MoU, SME Corp has also agreed to provide MDV access to its state offices as well as the One Referral Centre (ORC), which will enable MDV to be more accessible to the SMEs by providing financing advisory and solutions.

MDV managing director and chief executive officer Datuk Md Zubir Ansori Yahaya said the collaboration effort with SME Corp was timely in advancing the capabilities of the SMEs in the country, particularly in the high technology sectors.

"In order to help the SMEs in this sector to move forward, MDV as the nation's technology financier would like to further efforts in facilitating the SMEs in terms of their financial capital needs, as well as advisory services to ensure continuous positive growth and long-term sustainability of these companies. With the current technology landscape, MDV's financing goes across all technology sectors horizontally," he said. - Bernama

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 05 JUN 2014 (KHAMIS)



Tujuh NGO Buat Laporan Polis Siasat Kenyataan Mengelirukan Isu DNA Babi

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Pertubuhan Martabat Jalinan Muhibbah Malaysia (MJMM) dan enam badan bukan kerajaan (NGO) hari ini membuat laporan polis berhubung kenyataan mengelirukan pengguna umat Islam di negara ini tentang isu penemuan Asid Deoksiribonukleik (DNA) babi dalam coklat Cadbury.

Enam NGO itu ialah Ikatan Rakyat Insan Muslim Malaysia (IRIMM), Pertubuhan Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Persatuan Veteran Tentera Melayu (PVTM), Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (IKHLAS), Pertubuhan Minda dan Sosial Prihatin (PMSP) dan Gerak Kerja Ayahanda Negeri Selangor (GEGAS).

Presiden MJMM, Abdul Rani Kulup Abdullah yang diiringi 30 anggota beberapa NGO yang lain, membuat laporan polis pada 11.30 pagi tadi di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi.

"Semalam, Jakim mengesahkan dua sampel produk coklat Cadbury yang diambil terus dari kilang syarikat itu disahkan oleh makmal Jabatan Kimia, tidak mengandungi DNA babi.

"Sebelum ini, Kementerian Kesihatan (KKM) mengeluarkan kenyataan bahawa ia telah mengesan 'porcine' atau DNA babi dalam coklat susu dan kacang Hazel serta coklat susu dan badam bagi kelompok produk itu bertarikh luput 13 Nov 2014 dan kelompok bertarikh luput 15 Jan 2015," katanya.

Sehubungan itu, Abdul Rani menggesa pihak bertanggungjawab untuk mengambil tindakan proaktif bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

Sementara itu, Presiden JMM, Azwanddin Hamzah menggesa KKM dan Jakim memberi penjelasan lebih baik kepada rakyat berhubung isu ini.

Semalam, KKM menyiasat pegawai yang membocorkan laporan awal ujian DNA babi dalam coklat Cadbury, sebelum ujian makmal kedua sempat dijalankan untuk mengesahkan kandungan itu.

Pada 2 Jun lepas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata analisis makmal Jabatan Kimia terhadap dua produk coklat susu Cadbury - Roast Almond and Hazelnut (badam dan kacang hazel) - disahkan tiada DNA babi.

Turut hadir, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Datuk Nadzim Johan yang menggesa supaya KKM dan Jakim bekerjasama dalam memberi penjelasan yang telus berkaitan isu ini sebelum mengeluarkan fatwa yang sahih.

"Kita minta perkara ini dapat diselesaikan dengan cara baik dan minta para pengguna bersabar dalam isu ini," katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 05 JUN 2014 (KHAMIS)



PPIM Saran Kerajaan Wujud Akta Produk Halal

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Rabu mencadangkan kerajaan mewujudkan Akta Produk Halal bagi melindungi kepentingan umat Islam dan integriti institusi Islam negara ini.

Setiausaha, Datuk Dr Ma'amor Osman berkata sistem pensijilan halal boleh menjadi satu sabotaj ekonomi dan malapetaka jika isu berkaitan makanan seperti kemelut penemuan DNA khinzir dalam coklat Cadbury tidak ditangani dengan betul.

"Kita harap kerajaan serius dan komited melindungi dan memperkasa kepentingan umat Islam, maruah, agama dan institusi Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam negeri," katanya dalam satu kenyataan.

Baru-Baru ini, satu laporan memetik Kementerian Kesihatan mengesahkan 'porsin' atau DNA khinzir dalam coklat susu dan kacang Hazel serta coklat susu dan badam bagi kelompok produk Cadbury bertarikh luput 13 Nov 2014 serta kelompok bertarikh luput 15 Jan 2015.

Isnin lepas, JAKIM mengesahkan dua sampel produk itu yang diambil terus dari kilang syarikat disahkan tidak mengandungi DNA khinzir oleh makmal Jabatan Kimia.

Ma'amor berkata PPIM mencadangkan kerajaan menambah makmal yang diakreditasi agar pengesahan kehadiran DNA khinzir boleh dibuat tanpa diragui.

--BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT B3
TARIKH : 5 JUN 2014 (KHAMIS)

Pencemaran luar mustahil berlaku

SEMENTARA itu, Penolong Pengurus Taman Teknologi Malaysia Biotech Sdn. Bhd. (TPM Biotech), **Nor Amin**

Mohd. Nor menolak kemungkinan hasil ujian dua sampel produk coklat Cadbury yang mempunyai DNA babi itu disebabkan oleh pencemaran luar.

Katanya, melihat kepada proses pembungkusan coklat tersebut yang sempurna sebelum diedarkan di pasaran dan diyakini tidak mempengaruhi kandungan makanan tersebut.

"Dibungkus dengan lapisan aluminium pada bahagian dalam, manakala bungkusan kedap udara yang baik di luar, walaupun sempal diambil secara rawak di pasaran mustahil berlaku pencemaran luar.

"Katakanlah terdapat seorang pengunjung pasar raya yang baru lepas memegang daging babi lalu memegang coklat tersebut, dengan bungkusan yang sebaik itu tidak mungkin akan



**NOR AMIN
MOHD. NOR**

mempengaruhi kandungan coklat.

"Lebih mudah jika kita merendamkan bungkusan coklat tersebut di dalam air selama semalam, jika air tidak dapat menembusi bahagian dalam coklat begitu juga persekitaran luar yang tidak mungkin menembusi kandungan coklat," katanya.

Tambah Nor Amin, yang juga merupakan Pengurus Bahagian Teknikal Makmal Sains Halal di TPM Biotech berkata, penemuan DNA babi mungkin berlaku menerusi dua kemungkinan iaitu secara rumusan dan pencemaran dalam makmal.

"Rumusan dilakukan secara sengaja iaitu dengan memasukkan bahan yang mempunyai unsur terlarang itu di dalam sesuatu produk dengan tujuan mendapatkan kelebihan kepada produk seperti tekstur yang menarik, tahan lama dan lebih sedap.

"Manakala pencemaran dalam makmal



INTEGRITI dalam makmal penting bagi mengelakkan pencemaran dan mendapatkan keputusan ujian yang tepat.

pula berlaku antaranya disebabkan kerana oleh penganalisa itu sendiri, persekitaran dalam makmal dan percampuran bekas," jelasnya.

Justeru tambahnya, mengelakkan berlakunya pencemaran di dalam kilang tersebut, TPM Biotech membangunkan garis panduan Halal Compliance Critical

Control (HCCEP) yang boleh dilaksanakan di makmal industri.

Ia katanya, mempunyai lapan garis panduan bermula daripada sampel yang ditetapkan sehingga data diperoleh bagi menjaga integriti penganalisa yang juga turut membantu untuk mendapatkan keputusan data dengan tepat.